

Bank Islam terus sedia pinjaman rumah

KUALA LUMPUR - Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) memaklumkan ahli-ahlinya akan terus menyediakan kemudahan pembiayaan perumahan kepada pelanggan yang layak.

Presiden AIBIM, Datuk Mohd. Redza Shah Abdul Wahid (**gambar**) berkata, setakat Mei lalu, sejumlah RM14.25 bilion telah diluluskan oleh bank-bank Islam bagi pembelian hartanah kedua-

man.

"Ini mewakili 37.3 peratus daripada pembiayaan Islam keseluruhan yang bernilai RM38.2 bilion," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd. Redza berkata, institusi perbankan Islam juga menawarkan pelbagai produk pembiayaan perumahan untuk memenuhi keperluan segmen pasaran khusus seperti penjawat awam, kumpulan pendapatan rendah bandar dan luar bandar serta golongan muda di bandar.

"Produk-produk yang ditawarkan adalah berasaskan pelbagai kon-

trak syariah sama ada *tawarruq*, *musyarakah mutanaqisah* dan *murahabah*," katanya.

Namun demikian, Mohd. Redza menegaskan bahawa panduan pembiayaan telah ditetapkan untuk melindungi kepentingan pembeli rumah dengan memastikan mereka mempunyai kapasiti untuk memenuhi tanggungjawab kewangan berkenaan.

"Ia adalah untuk memastikan pelanggan tidak mengalami bebanan kewangan pada masa depan," jelasnya. - Bernama

